

Oleh Rosniza Mohd Taha  
roniza@mediaprima.com.my

Kuala Lumpur

**U**niversiti Malaysia Pahang (UMP) meneroka kerjasama bidang teknologi dan kejuruteraan dengan negara Islam menerusi memorandum persefahaman (MoU) dengan empat institusi pengajian tinggi (IPT) Turki.

Naib Canselornya, Prof Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim, berkata MoU terbabit adalah kesinambungan pemeteraian perjanjian UMP dengan Malaysian Turkish Dialogue Society pada Mac lalu yang membantu pihaknya memilih universiti berpotensi tinggi di Turki untuk menjalinkan kerjasama ber- kaitan.

## UMP jalin kerjasama dengan 4 IPT Turki

BH (Varsiti)  
Khamis 30/5/13 MN4

"Sebelum ini kita menjalin kerjasama dengan negara maju termasuk Amerika Syarikat, China, Ireland dan Jerman dan kini beralih ke negara Islam pula bagi mempelbagaikan penerokaan kerjasama akademik dan penyelidikan.

"Kami percaya banyak pencapaian mampu diperoleh menerusi kerjasama dengan IPT Turki yang mempunyai kekuatan ilmu dalam pelbagai bidang dan disegani negara Eropah selain kestabilan politiknya," katanya dalam sidang media Majlis MoU UMP dengan IPT Turki di sini, baru-baru ini.

Turut hadir, Timbalan

Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UMP, Prof Datuk Dr Ir Badhrulhisham Abdul Aziz dan Ahli Lembaga Eksekutif Pengajian Tinggi Turki, Prof Dr Durmus Gunay.

**Perancangan aktiviti**  
IPT terbabit ialah Suleyman Sah University, Sakarya University, Karabuk University

dan Selcuk University.

Enam bidang utama dikenal pasti bagi kerjasama itu iaitu penyelidikan, akademik, pascasiswazah, program akademik jangka pendek bagi pelajar siswazah serta ijazah berkembar bagi pelajar siswazah dan pasca-siswazah.

Prof Daing Nasir berkata, aktiviti yang dilaksanakan dalam tempoh terdekat adalah pertukaran pelajar bagi tempoh satu semester diikuti penawaran program pengajian bersama serta disusuli kerjasama penyelidikan.

Beliau berkata, pihaknya yakin walaupun Suleyman Sah dan Karabuk universiti baru, kedu-dua universiti itu mempunyai kekuatan tersendiri yang boleh dimanfaatkan.

"Walaupun masih baru seperti UMP, universiti terbabit mempunyai keunikan, tenaga dan kesungguhan, malah bergerak lebih pantas kerana sentiasa mencari peluang kerjasama untuk maju," katanya.



Prof Daing Nasir empat dari kanan bergambar bersama dengan wakil UMP dan tiga wakil dari Universiti Turki.



**“**  
**KERJASAMA  
DENGAN IPT TURKI  
YANG MEMPUNYAI  
KEKUATAN ILMU  
DALAM PELBAGAI  
BIDANG DAN  
DISEGANI NEGARA  
EROPAH SELAIN  
KESTABILAN  
POLITIKNYA”**

**Prof Datuk Dr Daing  
Nasir Ibrahim**  
Naib Canselor UMP